

21 Disember 2025

*Untuk Siaran Segera*

## **Kenyataan Media**

### **PUSPAKOM ALOR SETAR TINGKAT KAPASITI PEMERIKSAAN SEBANYAK 48%**

- Dua lorong baharu tingkat kapasiti pemeriksaan demi kemudahan pelanggan

**ALOR SETAR, Ahad, 21 Disember 2025** – PUSPAKOM Sdn Bhd (“PUSPAKOM”) hari ini memulakan operasi lorong pemeriksaan tambahan di cawangan Alor Setar, yang mampu meningkatkan kapasiti harian sebanyak 48%, iaitu dari sekitar 340 kenderaan kepada 504 kenderaan sehari.

Menurut **Ketua Pegawai Eksekutif PUSPAKOM, Mahmood Razak Bahman**, penambahan lorong pemeriksaan di PUSPAKOM Alor Setar mencerminkan komitmen berterusan PUSPAKOM untuk memastikan perkhidmatan pelanggan yang lebih cekap dan pengalaman pelanggan yang selesa.

“Transformasi PUSPAKOM Alor Setar ini adalah sebahagian daripada usaha berterusan kami untuk meningkatkan kapasiti pemeriksaan, mengurangkan masa menunggu pelanggan dan memperkukuh kecekapan operasi, seiring dengan peningkatan jumlah kenderaan serta permintaan perkhidmatan pemeriksaan,” kata Mahmood.

Sebelum ini, PUSPAKOM Alor Setar mengendalikan tiga lorong pemeriksaan, iaitu:

- Satu lorong Kenderaan Berat (Heavy Vehicle) untuk kenderaan dengan Berat Dengan Muatan (BDM) 3,500kg dan ke atas
- Satu lorong Kenderaan Ringan (Light Vehicle) untuk kenderaan dengan BDM kurang daripada 3,500kg
- Satu lorong *universal* untuk Kenderaan Persendirian (Private Vehicle) dan kenderaan *e-hailing*

Hasil transformasi ini, PUSPAKOM Alor Setar kini beroperasi dengan lima lorong pemeriksaan yang terdiri daripada:

- Dua lorong Kenderaan Berat
- Satu lorong Kenderaan Ringan
- Dua lorong Kenderaan Persendirian

Dua lorong kenderaan persendirian tersebut terletak di bangunan baharu, membolehkan pemeriksaan kenderaan persendirian dan kenderaan komersial dijalankan di bangunan-bangunan yang berasingan. Mahmood turut menambah bahawa transformasi ini sejajar dengan aspirasi PUSPAKOM untuk mencapai kecemerlangan operasi dan pengalaman pelanggan yang lebih baik.

“Pelaburan berterusan dalam infrastruktur dan kemudahan pemeriksaan adalah komitmen PUSPAKOM dalam memastikan perkhidmatan yang berkualiti tinggi, selamat dan mematuhi piawaian pemeriksaan kenderaan yang ditetapkan,” ujar Mahmood.

Untuk maklumat lanjut, ikuti **@puspakomofficial** di Facebook, Instagram dan TikTok.

**- TAMAT -**

## LAMPIRAN GAMBAR

| No. dan nama fail | Gambar                                                                               | Kapsyen                                                                                                                                                              |
|-------------------|--------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1. IMG_3007.JPG   |    | Ketua Pegawai Eksekutif PUSPAKOM Mahmood Razak Bahman (tengah) merasmikan pembukaan Lorong Pemeriksaan Tambahan PUSPAKOM Alor Setar pada 21 Disember 2025.           |
| 2. IMG_3018.JPG   |   | Plak perasmian pembukaan Lorong Pemeriksaan Tambahan di bangunan baharu PUSPAKOM Alor Setar yang mula beroperasi pada 21 Disember 2025.                              |
| 3. IMG_2890.JPG   |  | Ketua Pegawai Eksekutif PUSPAKOM Mahmood Razak Bahman meninjau kawasan pemeriksaan bahagian bawah kenderaan di salah satu lorong pemeriksaan di PUSPAKOM Alor Setar. |

| No. dan nama fail | Gambar                                                                               | Kapsyen                                                                                                                                                                                                 |
|-------------------|--------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 4. IMG_2993.JPG   |    | Ketua Pegawai Eksekutif PUSPAKOM Mahmood Razak Bahman bergambar bersama warga kerja PUSPAKOM Alor Setar sempena pembukaan lorong pemeriksaan tambahan bagi meningkatkan kapasiti dan kecekapan operasi. |
| 5. IMG_3039.JPG   |   | Ketua Pegawai Eksekutif PUSPAKOM Mahmood Razak Bahman menyampaikan cenderahati kepada pelanggan terawal sempena pembukaan lorong pemeriksaan tambahan PUSPAKOM Alor Setar.                              |
| 6. IMG_3047.JPG   |  | Ketua Pegawai Eksekutif PUSPAKOM Mahmood Razak Bahman bergambar bersama pelanggan di PUSPAKOM Alor Setar selepas pembukaan lorong pemeriksaan tambahan.                                                 |



Ahli Kumpulan **DRB-HICOM**

**Untuk maklumat lanjut sila hubungi:**

Siti Khairuddin  
Ketua Komunikasi Pemasaran &  
Pembangunan Perniagaan  
PUSPAKOM Sdn Bhd  
Tel: 03 - 2052 7769 H/P: 012 - 382 8550

Nik Haizan Nik Zambri  
Pengurus, Komunikasi Pemasaran &  
Pembangunan Perniagaan  
PUSPAKOM Sdn Bhd  
Tel: 03 - 2052 7547 H/P: 012 - 262 0114

## **MENGENAI PUSPAKOM**

*Selepas 30 tahun konsesi, dan dengan liberalisasi industri, PUSPAKOM kini merupakan pemegang lesen pemeriksaan kenderaan pertama Malaysia.*

*Peranan utama kami adalah melakukan pemeriksaan kenderaan untuk membantu pemilik kenderaan memastikan kenderaan mereka berada dalam kondisi yang selamat digunakan dan mematuhi peraturan alam sekitar melalui ujian pelepasan asap. Ini dicapai melalui pemeriksaan yang teliti dan menyeluruh untuk memastikan pematuhan kepada peraturan keselamatan kerajaan.*

*Kami mempunyai rangkaian **53 pusat pemeriksaan** di seluruh negara yang dilengkapi dengan peralatan yang diiktiraf dan dikalibrasi. Selain itu, kami mempunyai **30 tapak lawatan** yang menyediakan perkhidmatan pemeriksaan kenderaan di kawasan kurang penduduk dan kawasan terpencil.*

*Kami turut menawarkan **Perkhidmatan Pemeriksaan Bergerak** bagi kemudahan pelanggan yang tidak dapat hadir ke cawangan. Perkhidmatan ini melibatkan:*

- **Trak Bergerak** – Untuk syarikat yang mempunyai banyak kenderaan seperti pengendali kenderaan perdagangan, syarikat penghantaran, sekolah memandu, dan pengedar. Antara pemeriksaan yang ditawarkan termasuk **Pemeriksaan Awalan, Berkala, dan Sewa Beli (B7)**.
- **Van Bergerak** – Untuk pemilik kenderaan persendirian bagi urusan seperti **pertukaran hak milik, pembaharuan cukai jalan, dan pendaftaran kenderaan import**.

*Pelanggan boleh membuat tempahan Perkhidmatan Bergerak melalui [www.mypuspakom.com.my](http://www.mypuspakom.com.my), manakala tempahan secara pukal boleh dibuat dengan menghubungi [marketing@puspakom.com.my](mailto:marketing@puspakom.com.my).*

*Dengan **10 Trak Bergerak, 36 Van Bergerak dan 4 Unit Ringan**, kami komited untuk memberikan perkhidmatan pemeriksaan yang pantas, cekap dan profesional – terus ke lokasi pelanggan.*